

Najib: Malaysia yakin capai Wawasan 2020

Daripada MUSTAFA KAMAL BASRI

JEDDAH 28 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan cabaran tempoh separuh kedua Wawasan 2020 sebagai suatu yang sangat getir, tetapi yakin Malaysia akan mampu memenuhi matlamat status negara maju menjelang tahun itu.

Timbalan Perdana Menteri mengibaratkan cabaran tempoh separuh kedua wawasan itu umpama 'mendaki gunung' dan Malaysia kini sudah sampai separuh perjalanan untuk menuju ke puncaknya.

Menurut beliau, semua usaha yang dilakukan bagi menjayakan wawasan yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak 16 tahun itu berjalan lancar sebagaimana dirancang.

"Cabaran-cabaran bagi menjayakan wawasan itu semakin getir apabila sudah sampai lebih separuh perjalanan.

"Ia seumpama mendaki gunung, pada permulaan pendakian semuanya baik tetapi apabila sampai di pertengahan gunung anda semakin penat dan berdepan dengan pelbagai masalah dan rintangan.

"Anda pasti akan meneruskan pendakian dan akhirnya sampai ke puncak gunung dengan kepuasan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan seorang wartawan tempatan di sini yang ingin tahu sama ada Malaysia yakin mencapai matlamat Wawasan 2020 atau sebaliknya, semalam.

Sebelum itu, Najib menyaksikan majlis menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat-syarikat Malaysia dengan Arab Saudi.

Ditanya apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur pencapaian sebagai negara maju, Najib menjelaskan, Malaysia tidak

menggunakan pendapatan per kapita semata-mata bagi menilai kemajuan negara.

"Kami menggunakan beberapa kaedah termasuk memulihara institusi keluarga sebagai petunjuk kemajuan selain asas-asas ekonomi seperti pendapatan per kapita dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Sekiranya Malaysia dapat mencapai 27 peratus sasaran yang ditetapkan di bawah Wawasan 2020 pada tahun ini dan mengekalkan pertumbuhan sebanyak enam peratus setahun secara berterusan, kami yakin akan berjaya mencapai status negara maju menjelang 2020," tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri turut yakin para pelabur asing akan berminat melabur dalam projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) melibatkan pembangunan kawasan seluas 2,217 kilometer persegi, yang bermatlamat menjadi pusat pertumbuhan ekonomi bertaraf dunia.

Pelabur

Menurutnya, selepas pelan pembangunan wilayah itu diperbadankan, kerajaan akan memelawa pelabur membuat pelaburan di sana.

Beliau yakin Malaysia merupakan destinasi pelaburan yang menarik dengan pelbagai insentif disediakan.

Najib turut menjelaskan minat Malaysia untuk meneroka peluang pelaburan dalam bidang komunikasi teknologi maklumat (ICT) dengan negara-negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) yang lain selepas Arab Saudi.

"Kita mahu berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan negara-negara OIC yang lain dari segi ICT dan membangunkan modal insan umat Islam," katanya.

Terdahulu, Najib menyaksikan majlis menandatangani MoU antara GCI MSC Sdn.Bhd. (GCI), anak syarikat Zygox Bhd. (Zygox) de-

U/M - 1/3/2007

ngan Hospital Pakar Raja Faisal dan Pusat Penyelidikan (KFSHRCJ).

GCI diwakili Pengarahnya, Datuk Ruslan Ali manakala KFSHRCJ diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Ibrahim Ali Zabani.

GCI akan terlibat menyediakan sistem maklumat kesihatan 'myCare' di hospital tersebut. Sebelum ini GCI telah menerima kontrak membekalkan beberapa modul sistem maklumat kesihatan (HIS) kepada hospital tersebut yang dipasang pada Mei tahun lalu.

Satu lagi MoU ditandatangani antara Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDeC), MIMOS Bhd. dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi menyediakan penyelesaian ICT bagi menyokong program pembangunan negara-negara anggota IDB.

IDB diwakili oleh Naib Presiden bagi Operasi, Dr. Amadou Boubcar Cisse manakala MDeC diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Badlisham Ghazali dan MIMOS oleh Naib Presiden Kanannya, Abd. Aziz Abdul Kadir.

Pada sebelah malamnya, Najib diraikan oleh Gabenor yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Lembaga Pelaburan Umum Arab Saudi (SAGIA) Amr A. Al-Dabbagh pada jamuan makan malam.

Timbalan Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani kontrak antara SAGIA dengan Yayasan Al-Bukhary bagi projek kecil ICT bernilai AS\$100,000 (RM350,000).

Yayasan Al-Bukhary juga bersetuju menaja 1,000 pelajar miskin Arab Saudi, kebanyakannya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengikuti kursus ijazah dalam pelbagai bidang.

SAGIA diwakili oleh Amr A. Al-Dabbagh manakala Yayasan Al-Bukhary diwakili oleh penasihatnya, Tan Sri Marzuki Mohd. Noor.

- Utusan